

28/10/2003

Pas hadapi tindakan jika hudud bercanggah

BANGI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pelaksanaan hukum hudud kerajaan Pas Terengganu jika mendapati ia zalim dan bercanggah dengan undang-undang Persekutuan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan Terengganu boleh melaksanakan undang-undang hudud Pas itu tetapi jika melakukan sesuatu yang bercanggah dengan undang-undang negara kerajaan tetap akan mengambil tindakan.

Dr Mahathir juga berkata, hukum hudud tidak ada yang zalim dan jika hukuman yang dilaksanakan oleh Pas itu zalim ia bukan hukum hudud.

"Dia (kerajaan Terengganu) boleh laksanakan, tetapi kalau dia buat sesuatu yang bercanggah dengan undang-undang negara, kita akan ambil tindakan mengikut undang-undang negara.

"Kita tidak anggap undang-undang kerajaan Pas Terengganu sebagai hukum hudud. Itu adalah undang-undang Pas dan bukan hudud," katanya ketika diminta mengulas langkah Kerajaan Pas Terengganuewartakan Enakmen Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) mulai semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis penyerahan kain rentang terpanjang yang mempunyai tanda tangan orang ramai, terutama rakyat Malaysia sebagai tanda ucapan terima kasih kepadanya yang diusahakan Puteri Umno, di Institut Latihan Sultan Ahmad Shah, Universiti Tenaga Nasional, di sini semalam.

Majlis dihadiri kira-kira 4,000 ahli Puteri Umno dari seluruh negara, diketuai Datuk Azalina Othman Said.

Baru-baru ini, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata rakyat yang tidak mengundi Pas selepas pelaksanaannya dianggap 'penjenayah' yang takut menerima hukuman.

Sebelum ini, peguam, Datuk Zaid Ibrahim menyifatkan tindakan Abdul Hadiewartakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) sebagai berbahaya kerana bertentangan sistem dan Perlembagaan Persekutuan.

Pada masa sama, Zaid yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, mendakwa Abdul Hadi yang sedar perkara itu sengaja enggan menghormati sistem Persekutuan, sekali gus boleh menjejaskan kesejahteraan rakyat, kestabilan politik dan negara.

Sementara itu, Dr Mahathir yang ditanya seorang wartawan asing sama ada beliau pasti untuk berundur kerana sokongan orang ramai, terutama ahli Umno begitu kuat, berkata: "No way (tidak mungkin)...saya sudah membuat keputusan untuk berundur dan saya akan tetap berundur,"

Ditanya sama ada beliau berasa masih banyak perkara yang belum selesai, Dr Mahathir berkata, memang banyak perkara yang sentiasa belum selesai

tetapi patut percaya kepada orang muda yang berkebolehan untuk meneruskan perjuangan.

Mengenai beberapa kenyataannya sejak akhir-akhir ini menimbulkan pelbagai kontroversi dan kemampuan penggantinya menghadapinya, Dr Mahathir berkata, beliau yakin penggantinya mampu menanganinya walaupun cara mungkin berbeza.